

KEUNTUNGAN SEPARUH PERTAMA TK23 BANK ISLAM NAIK 14.0% KEPADА RM254.2 JUTA

SOROTAN

- Keuntungan Bersih Kumpulan meningkat 14.0% tahun-ke-tahun (y-o-y) kepada RM254.2 juta.
- Pulangan Ekuiti Bersih (ROE) Tahunan pada 7.1% dan Perolehan Sesaham (EPS) 11.37 sen
- Pendapatan bukan berasaskan dana melonjak 134.8% kepada RM117.2 juta
- Pembiayaan Kasar meningkat 9.3% y-o-y kepada RM66.3 bilion
- Komposisi CASATIA teguh pada 39.1%
- Kedudukan modal yang baik dengan Nisbah Jumlah Modal pada 19.6%.

KUALA LUMPUR, Selasa, [29 Ogos 2023]: Perintis perbankan Islam Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) merekodkan peningkatan 14% keuntungan bersih sebanyak RM254.2 juta bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023 (1H2023), berbanding tempoh sama pada 2022.

Walaupun berdepan persekitaran ekonomi global yang mencabar, hasil Kumpulan meningkat sebanyak 39.4% kepada RM2.24 bilion (RM2,224.1 juta) dalam tempoh tersebut berbanding RM1.56 bilion (RM1,595.9 juta) pada tahun lepas. Peningkatan tersebut didorong oleh pertambahan pendapatan bersih akibat pendapatan bukan berasaskan dana lebih tinggi iaitu RM117.2 juta atau 134.8%, dipacu oleh pendapatan pelaburan lebih baik serta laba bersih lebih tinggi daripada transaksi pertukaran asing. Pendapatan berasaskan dana bersih meningkat 3.1% menerusi pertumbuhan pembiayaan kasar y-o-y dan pengukuhkan margin pendapatan bersih (NIM) kepada 2.11% bagi 2Q2023 daripada 2.06% pada 1Q2023.

Prestasi lebih baik ini diterjemah kepada perolehan sesaham bernilai 11.37 sen dan pulangan ekuiti bersih tahunan sebanyak 7.1%.

Setakat 30 Jun 2023, jumlah aset Kumpulan Bank Islam meningkat ke RM87.5 bilion, tumbuh sebanyak 5.3% y-o-y, dipacu oleh pertumbuhan dalam pembiayaan dan sekuriti pelaburan.

Pembiayaan kasar mengukuh 9.3% y-o-y kepada RM66.3 bilion, sementara akaun deposit dan pelaburan pelanggan berada pada RM72.3 bilion dengan peningkatan sebanyak RM2.0 bilion y-o-y atau 2.8%. Pengukuhan ini berikutan pertumbuhan teguh sebanyak 6.4% y-o-y atau RM1.7 bilion dalam jumlah akaun semasa, simpanan dan pelaburan (CASATIA) untuk berada pada RM28.3 bilion. Komposisi ini menjadikan aras sihat sebanyak 39.1% dalam jumlah akaun deposit dan pelaburan pelanggan. Jumlah nisbah modal Kumpulan kekal teguh pada 19.6%.

Kedudukan modal dan kecairan yang sihat juga mencerminkan momentum pertumbuhan dan asas kami kekal teguh.

Setakat 30 Jun 2023, nisbah pembiayaan terjejas kasar bertambah baik ke 1.03% berbanding 1.37% pada akhir Mac 2023 dan kekal lebih baik berbanding purata industri sebanyak 1.75%.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, prestasi separuh pertama tahun ini mencerminkan keutuhan dan fokus Kumpulan dalam menyampaikan nilai kepada pemegang taruh walaupun berdepan landskap pasaran yang mencabar dan perkembangan global yang lemah. Walau bagaimanapun, Kumpulan terus berwaspada dengan ketidaktentuan ini melalui pengurusan kecairan dan pendanaan kos secara berhemat serta mengambil langkah-langkah untuk mengoptimumkan kos. Kumpulan kekal teguh dalam melaksanakan hala tuju strategi lima tahun (LEAP25) yang merangkumi pembangunan penyelesaian kewangan lengkap Syariah-ESG dengan kepimpinan dalam perbankan digital dan kewangan sosial.

“Walaupun kami berusaha untuk mengukuhkan perniagaan, rangkuman kewangan kekal sebagai misi utama kami. Asas Bank Islam adalah bersandarkan nilai, memacu kami untuk meneroka potensi luas kewangan Islam dan memanfaatkan instrumen kewangan Islam demi manfaat komuniti dan alam sekitar. Sebagai bank perintis Program iTEKAD, kami berhasrat untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi dan memupuk aliran pendapatan mampan untuk usahawan mikro yang layak dengan memperkasakan mereka melalui pembinaan kapasiti,” ujar Mohd Muazzam.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2020 sehingga 31 Julai 2023, Bank Islam telah mengagihkan sebanyak RM14 juta bagi iTEKAD dan pencepat pendanaan, secara langsung memanfaatkan lebih 900 penerima dan menggalakkan mobiliti ke atas buat mereka.

Tinjauan Perkembangan Ekonomi

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), dalam laporan Tinjauan Ekonomi Dunia edisi Julai 2023, mengunjurkan perkembangan global akan menyusut daripada anggaran 3.5% pada tahun 2022 kepada 3.0% pada tahun 2023 dan 2024. Walaupun unjuran pada tahun ini sederhana tinggi berbanding ramalan pada April 2023, iaitu 2.8% pada 2023, sebelum ditetapkan pada 3.0% pada 2024, IMF berpendapat bahawa angka ini kekal lemah menurut prestasi lampau.

Sementara itu, tinjauan ekonomi Malaysia bagi separuh kedua 2023 dijangka sederhana positif tetapi berdepan risiko ke bawah berikutan perkembangan global yang lemah. Bank Negara Malaysia (BNM) menjangkakan ekonomi akan berkembang dalam julat rendah, sekitar 4.0% hingga 5.0% pada tahun ini, turun daripada 8.7% yang dicatatkan pada tahun 2022. Perkembangan ini disokong oleh kenaikan permintaan domestik, dipacu oleh peningkatan keadaan pekerjaan dan tahap pendapatan. Projek jangka panjang dan trend pelancongan yang positif dijangka turut menyumbang kepada pertumbuhan yang mampan.

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: media@bankislam.com.my